

Januari

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan "Selamat Tahun Baru 2010" kepada semua warga UniMAP. Setinggi-tinggi rasa kesyukuran ke hadrat Illahi dengan limpah kurniaNya kita masih berada di sini untuk meneruskan kehidupan kita di hari-hari yang mendatang di tahun baru ini. Kita baru sahaja meraikan pelbagai perayaan dan sudah pastilah telah berehat dan bercuti, serta kini kembali bertugas dengan azam dan tekad baru untuk bekerja dengan penuh semangat pada tahun ini bertujuan memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada anak didik kita, masyarakat dan seterusnya negara yang tercinta. Saya merasakan awal tahun baru adalah masa yang paling sesuai untuk kita menilai segala prestasi yang telah kita capai pada tahun yang lalu. Dengan membuat penilaian, kita dapat mengenal pasti dan mengambil tindakan yang sewajarnya untuk mengatasi segala kelemahan yang ada.

Dalam tahun 2010 ini, kita akan menghadapi banyak cabaran-cabaran baru. Pelanggan atau 'stakeholder' kita mengharapkan perkhidmatan yang lebih efisien dan cepat. Saya amat berharap semua warga UniMAP akan menjalankan tugas mereka dengan sikap penuh bertanggungjawab, jujur dan segera atau "with a sense of urgency, responsibility and honesty" berpandukan nilai teras kita iaitu Ilmu, Keikhlasan dan Kecemerlangan. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas dan tahniah atas kejayaan demi kejayaan yang telah dicapai UniMAP sama ada daripada bidang akademik, penyelidikan dan inovasi, sukan, kebudayaan mahupun apa jua penganjuran universiti. Moga kejayaan-kejayaan ini menjadi perangsang kepada semua warga UniMAP untuk bekerja lebih keras pada tahun baru ini. Saya amat berharap moga semua warga UniMAP terus berazam untuk mempertingkatkan prestasi diri dan organisasi. Kita perlu sentiasa berwaspada dan menjaga penampilan diri kita sebagai kakitangan awam supaya semua persepsi negatif orang awam terhadap perkhidmatan awam bertukar kepada persepsi yang positif. Ini hanya dapat dijadikan kenyataan jika kita sama-sama melangkah ke hadapan dengan penuh komitmen dan keazaman.

Sehubungan dengan itulah saya memilih "Jari" sebagai perkataan DMNC pada kali ini. Walaupun ini bukanlah perkataan bermotivasi namun cuba kita renungkan kembali apa yang tersirat di sebalik hikmah jari dalam sebaik-baik ciptaan kita sebagai manusia di muka bumi ini. Contoh utamanya adalah ibu jari kita. Di dalam Al-Quran ada menyebut bahawa; "Apakah manusia mengira bahawa kami tidak akan mengumpulkan (kembali) tulang-temulangnya?. Bahkan, Sebenarnya Kami berkuasa untuk menyusun (kembali) jari-jemarinya dengan sempurna." (Surah al-Qiyamah, ayat 3-4)

Cap jari mempunyai keunikannya yang tersendiri. Betapa hebatnya ciptaan Allah SWT ini, walaupun jumlah manusia di muka bumi ini berbilion ramainya sejak dari kelahiran Nabi Adam A.S. sehinggalah terjadinya hari Kiamat, namun cap jari manusia tidak sama. Cap jari adalah tanda identiti seseorang yang sangat penting bagi pengesahan identiti khususnya melibatkan aspek keselamatan, pencegahan jenayah dan sebagainya. Ini kerana cap jari merupakan tanda 'eksklusif' seseorang dan diterimapakai di seluruh dunia. Saya juga selalu menyebut kaitan jari dalam kehidupan kita seharian. Jangan sekali-kali kita sering menuding jari telunjuk kita ke arah orang lain sedang sebenarnya 3 jari lagi ke arah diri kita sendiri. Sekiranya berlaku sesuatu kesalahan atau krisis dalam pekerjaan atau aktiviti kita seharian, sebelum kita menuding atau mencari kesalahan orang lain adalah lebih baik kita semak dan kaji kesilapan diri kita sendiri. Tiada masalah yang tidak ada penyelesaiannya.



Selain daripada itu, pelbagai hikmah dan tafsiran juga boleh diandaikan di sebalik jari-jari kita ini. Cuba kita perhatikan jari kita perlahan-lahan dan luruskan ia ke hadapan dalam keadaan terbuka. Renungkan kembali tentang kewajipan solat lima waktu kita supaya tidak diabaikan. Kemudian lepapkan jari itu di atas meja dan perhatikan, bermula daripada jari kelingking yang kecil dan kerdil sama seperti manusia dan apa sahaja akan bermula daripada kecil kemudian besar dan terus membesar. Itulah fitrah manusia dan alam seluruhnya. Apa sahaja yang dilakukan mesti bermula daripada kecil. Bak kata pepatah "Melentur buluh biarlah daripada rebungunya". Sebagai contoh kegagalan mendidik anak-anak kita di usia ini akan memberi kesan yang besar pada masa hadapan.


Naikkan kepada jari kedua, jari manis namanya. Begitu juga dengan usia remaja. Manisnya seperti jari yang comel mulus ini. Apatah lagi kiranya disarungkan dengan sebetuk cincin bertatahkan berlian, hebatnya tidak terkira. Pada ketika ini, alam remaja menjengah diri. Namun begitu, di usia ini kita sentiasa dibelenggu dengan pelbagai cabaran dan dugaan kehidupan. Hanya iman dan taqwa menunjuk jalan kebenaran. Jari ketiga pula iaitu yang paling tinggi iaitu jari hantu. Zaman remaja ditinggalkan. Alam dewasa kian menjengah. Di peringkat umur 30-an ini seorang itu telah mempunyai status dan identiti dengan ekonomi yang kukuh serta kejaya yang teguh. Namun, kita mestilah sentiasa berhati-hati kerana di kala ini banyak yang datang menggoda. Perasaan hasad dengki, ego, tamak, iri hati dan seribu macam lagi. Jika kita gagal mengawal emosi, kita akan terjerumus dengan jerangkap nafsu dan syaitan. Justeru itu, amal ibadat mesti dilipatgandakan.

Kita beralih kepada jari telunjuk. Jari inilah yang mengungkap satu dan esanya Allah SWT ketika solat. Genggamkan kesemua jari dan keluarkan jari ini. Gagahnya ia sebagai penunjuk arah, menjadi contoh dan teladan. Manusia yang berada di tahap usia ini, hendaklah tampil sebagai model kepada generasi baru dan pembimbing yang kaya dengan idea bernas dan minda yang hebat.

Akhir sekali, renung ibu jari. Ianya besar dan pendek tetapi menunjukkan kematangan dan kehebatan yang membanggakan. Tugasnya membenarkan sesuatu dan menafskirkan pelbagai perkara. Kalau ia ada, semua urusan berjalan lancar. Sekiranya petunjuk mereka anda patuhi, nescaya anda boleh berkata "good" atau "yes" sambil menggenggam semua jari dan angkat ibu jari ke atas dan hayun ke hadapan. Itulah rahsia kejayaan kita.

Cuba lihat sekali lagi kelima-lima jari kita dan renung serta fikir sedalam-dalamnya. Dimanakah kita sekarang ?

Akhir kata, saya sekali lagi ingin mengucapkan kepada semua "Selamat Tahun Baru" dan "Selamat Menjalankan Tugas ...".



Dari Meja Naib Canselor

Februari

DMNC memanjatkan kesyukuran kerana dengan keizinanNYA kita dapat bertemu sekali lagi pada edisi UniMAP Februari 2010. DMNC mengucapkan setinggi penghargaan terima kasih kepada semua individu, institusi termasuk warga UniMAP sendiri yang telah memberi komitmen yang tinggi selama ini. Komitmen yang ditunjukkan ini amatlah dihargai serta disanjung. Kita akur bahawa semakin hari usia kita semakin bertambah yakni menjurus kepada kematangan kita yang semakin meningkat serta semakin positif. Tidak dinafikan peningkatan tahap kematangan ini akan diiringi oleh bertambahnya sikap profesionalisme, sikap toleransi, semangat jitu serta perjuangan kita.

Pada masa yang sama kita juga akan menjauhkan diri daripada sikap keangkuhan, ketidaktegihan, individualistik, ketidakadilan dan banyak lagi yang boleh dibariskan melalui ayat. Namun DNMC yakin dan percaya bahawa warga UniMAP adalah warga tersohor dengan nilai - nilai terpuji serta semangat toleransi yang tinggi. Tidak dinafikan setiap individu akan cuba untuk memperbaiki dirinya dalam segala aspek dari masa ke masa dan kita berusaha untuk berjaya dan menjadi cemerlang. Ada kalanya kita merasakan diri kita tewas, tetapi mungkin cara kita tidak sesuai. Ini bermakna kita sentiasa mempunyai ruang dan waktu untuk terus mencuba dan memperbetulkan apa yang tidak sesuai dan apa yang perlu. Sehubungan dengan itulah saya memilih perkataan 'FIKIR' sebagai DMNC edisi kali ini. Fikir.. Fikir.. Fikir.. Tun Mahathir Mohamad juga sering menyuruh kita supaya sentiasa berfikir. Fikir membawa maksud berusaha secara optimum untuk memiliki kekuatan ilmu, ekonomi, sains, teknologi dan ketenteraan pada skala yang tinggi.

Sebenarnya kita sentiasa berfikir. Setiap hari sewaktu bekerja kita sentiasa berfikir mengenai pekerjaan kita. Kita berfikir tentang cara untuk meningkatkan prestasi kerja kita. Kita berfikir tentang cara untuk mengatasi masalah yang dihadapi. Selepas itu, kita berfikir pula tentang cara untuk mengekalkan prestasi yang baik. Akhirnya kita akan berfikir pula tentang cara untuk menghasilkan prestasi yang terbaik. Begitulah keadaan akal kita yang tidak pernah berhenti daripada berfikir. Malah kita akan berfikir dengan lebih serius apabila kita berhadapan dengan masalah, misalnya ketika kita ditimpa musibah, ketika kita kesempitan wang, ketika kita sakit atau ketika kita menghadapi kegagalan. Kita berfikir untuk mencari jalan penyelesaian. Lebih berat masalah yang kita hadapi, lebih besar juga usaha berfikir yang kita lakukan. Allah SWT pernah berfirman yang bermaksud : "Orang yang mengingati Allah ketika berdiri dan duduk ketika berbaring dan mereka memikirkan tentang kejadian langit dan bumi (mereka mengatakan): Wahai Tuhan kami! Tidaklah Engkau menjadikan ini dengan sia-sia, Maha Suci Engkau, peliharalah kami daripada seksa neraka. ..." Dalam ayat ini, Allah memerintahkan supaya manusia sentiasa berfikir. Keadaan berdiri, duduk dan berbaring adalah simbolik untuk semua keadaan termasuk peribadi, kemasyarakatan, ekonomi dan lain-lain. Maknanya dalam seluruh hidup kita sama ada belajar, bekerja, bergaul, berumah tangga malah apa saja, adalah dalam keadaan sentiasa mengingati Allah dan sentiasa berfikir. Sesungguhnya langkah pertama untuk menuju perubahan ialah dengan memiliki ilmu. Membaca dan sentiasa berfikir itu anak kunci kepada ilmu. Sikap kita memerlukan tiga proses iaitu Tahu, Mahu dan Mampu. Tahu letaknya di akal, Mahu letaknya di hati dan Mampu letaknya di nafsu. Untuk Tahu, akal perlu diberi ilmu iaitu dengan sentiasa berfikir. Sentiasalah berfikir untuk sentiasa memperbaiki diri, agama, bangsa dan negara kita yang tercinta ..

Fikirkanlah ...

Mac

Sepuluh tahun lagi, kita akan menjadi sebuah negara industri maju mengikut acuan sendiri. Kita tidak mahu meniru mana-mana negara maju hari ini. Kita mahu ikut cara kita sendiri, sekurang-kurangnya sebagai sebuah negara Islam dinamik dan sebuah negara berbilang kaum yang aman dan makmur. Persoalannya sekarang apakah kita bersedia untuk menjadi warganegara maju pada tahun 2020 ? Bersedia atau tidak, kita terpaksa harungi fasa ini dengan kebanggaan diri dan penuh tanggungjawab. Kita mestilah menyiapkan diri dengan satu ketrampilan baru yang mengadun ilmu dan budi, agama serta teknologi. Saya percaya jika kita adun bersama rencah-rencah ini dalam pembangunan diri kita, menjelang tahun 2020 kita akan mendokong watak dan wajah baru, iaitu satu keperibadian yang sesuai sebagai warganegara maju. Apatah lagi UniMAP sebagai sebuah Institusi Pengajian Tinggi berprestij pada masa itu. Masa bergerak pantas. Semua warga UniMAP dan para pelajar khususnya wajar membawa diri berfikir, mengenali diri sendiri dan mencari kekuatan diri yang selama ini terselindung. Sekarang anda berada di fasa begitu produktif. 10 tahun lagi pun, anda masih dalam fasa yang sama. Orang yang berumur 30 - 40 tahun selalunya sudah selesai. Anda sebagai penyaksi utama realisasi Wawasan 2020 tentunya bangga kerana dapat menyumbang kepada pembangunan negara ketika itu.

Ada sesetengah orang sudah menjadi kaya pada umur awal 30-an. Menjadi kaya merupakan satu penanda aras yang wajar kita gunakan untuk mengukur diri. Bunyinya terlalu unggul, tetapi boleh dicapai, dalam membina masa depan sasaran kita perlu tinggi tetapi kita mahu menjadi orang kaya yang dermawan, orang kaya berhati mulia. Seorang usahawan yang berwawasan. Inilah nilai-nilai yang dapat saya garap yang sepatutnya menjadi watak kita sebaik sahaja kita menjadi warga baru negara maju, Malaysia. Hidup bukan untuk berbangga dengan ilmu, harta, pangkat serta kedudukan yang kerap menimbulkan permusuhan dan pertelingkahan. Benarlah dunia sudah banyak berubah, ikatan keluarga, persaudaraan, jiran, sahabat dan taulan semakin renggang kerana menjadi ukuran. Apabila wujud perselisihan, pelbagai perkara diluahkan dalam emosi dan alangkah manisnya jika hati dapat menahan sabar, setiap permasalahan dileraikan secara baik bagi mengelak permusuhan. Oleh sebab itu saya memilih perkataan 'Muafakat' sebagai perkataan DMNC pada kali ini. Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia muafakat membawa maksud seia sekata atau setuju. Muafakat melahirkan kasih sayang dan hormat menghormati. Ia mampu melahirkan sebuah masyarakat yang sedia dan sanggup bersama menanggung susah senang dalam sesuatu urusan kehidupan. Seumpama muafakat pemimpin dan rakyat, majikan dan pekerja atau suami dan isteri. Persefahaman serta kasih sayang yang terjalin membolehkan hubungan itu menghasilkan keputusan terbaik untuk kedua-dua pihak serta mereka di sekeliling.

Sebenarnya setiap di antara kita tidak mampu melaksanakan sesuatu urusan bersendirian tanpa bergantung kepada masyarakat sekeliling. Semua urusan akan menjadi mudah jika saling membantu dan bermuafakat melaksanakannya. Prof Dr Hamka berkata: "Sekiranya tabiat mementing diri itu mengalahkan akalnya, maka dia pun menjadi penipu. Cerdik buruk, penjual si bodoh, penindas si lemah, menjadi syaitan yang bertubuh manusia." Sikap mementing diri hanya membiak dalam masyarakat buruk perilaku. Hidup tidak membawa makna apalagi untuk memberi kesempurnaan sebagai insan. Rasulullah SAW bersabda bermaksud: "Sesungguhnya Tuhan menjadikan makhluk untuk memenuhi keperluan manusia, tidak mementing diri supaya Tuhan tidak menyiksa mereka di neraka. Ketika kiamat diletakkan untuk mereka mimbar daripada nur. Mereka berbincang kepada Tuhan mengenai orang yang masih dalam hisab." Fikirkanlah ..

